

28 OCT 2000

MAM-HIV

RAWATAN ANTIBODI HIV: MAM CADANG KERAJAAN TAMBAH PERUNTUKKAN

JOHOR BAHRU, 28 Okt (Bernama) -- Majlis Aids Malaysia (MAM) mencadangkan supaya kerajaan menambah peruntukkan kepada pertubuhan itu bagi membolehkan pesakit HIV/Aids mendapatkan rawatan antibodi HIV (anti retroviral) di hospital-hospital kerajaan.

Presiden MAM Datin Paduka Marina Mahathir berkata penambahan peruntukkan itu akan membolehkan MAM mengendalikan sebanyak 500 pesakit HIV/Aids yang terdiri daripada golongan miskin yang tidak mampu untuk mendapatkan rawatan itu berbanding hanya 50 orang pesakit sekarang.

MAM memperuntukan kira-kira RM500,000 setahun bagi tujuan itu dan jumlah tersebut masih tidak mencukupi, katanya kepada pemberita selepas memberi ceramah pada Seminar "Hindari Aids Untuk Kebahagiaan Hidup" di Kompleks Mawar di sini hari ini.

Seminar sehari anjuran Majlis Hal Ehwat Wanita Negeri Johor (HAWA) dan kerajaan negeri dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keluarga, Hal Ehwat Wanita dan Kesihatan Negeri, Halimah Sadique.

Marina berkata setiap pesakit HIV/Aids memerlukan RM2,000 sebulan bagi menjalani rawatan antibodi HIV yang ternyata berkesan untuk memulihkan pesakit itu jika penyakitnya dikesan di peringkat awal.

Katanya daripada jumlah 34,000 pesakit HIV/Aids di negara ini, hanya satu peratus sahaja yang mendapat rawatan antibodi HIV.

Menurutnya pertambahan peruntukkan itu wajar memandangkan kerajaan telah mencadangkan untuk memberi peruntukkan yang besar kepada Kementerian Kesihatan iaitu sebanyak RM5.7 bilion seperti yang diumumkan dalam pembentangan Belanjawan 2001 semalam.

"Peruntukkan itu juga boleh diagih-agihkan kepada badan bukan kerajaan khususnya dalam menangani HIV/Aids yang selama ini kurang mendapat sambutan dan perhatian daripada orang ramai," katanya.

Marina berkata mereka yang menerima bantuan rawatan antibodi HIV MAM terdiri daripada pesakit yang disahkan oleh doktor dan setakat ini Majlis itu menerima banyak senarai nama pesakit yang menunggu gilirannya.

Katanya MAM juga sedang menyiapkan laporan kajian penyelidikan kes terhadap wanita yang didiskriminasi akibat jangkitan HIV/Aids di negara ini dan ia dijangka siap pada akhir November ini.

Kajian itu dijalankan dengan kerjasama Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Rangkaian Asia Pasifik sejak awal tahun lalu yang bertujuan memberiperlindungan kepada mereka khususnya wanita yang telah dijangkiti penyakit itu, katanya.

"Saya dapati kes diskriminasi terhadap wanita itu memang wujud. Kebanyakan wanita yang dijangkiti HIV/AIDS tidak mahu tampil ke hadapan untuk mendapatkan rawatan," katanya.

-- BERNAMA

BH LAT